



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Jun 2023
21 Zulkaedah 1444H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-----------------------|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | <ul style="list-style-type: none">• Sotong 'serang' laut Terengganu• Selangor umum 2 projek perikanan skala besar |
| Harian Metro | <ul style="list-style-type: none">• Tengah laut macam pesta Cahaya• Tangkap hasil laut tanpa permit |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">• SABDA jadi 'magnet' Tarik RM1.9 bilion |
| Sinar Harian | <ul style="list-style-type: none">• SABDA mampu jana pelaburan RM1.9 bilion• 10 nelayan asing ditahan Bersama 900kg tangkapan ikan |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernamea | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| | | | | | | | | |
|-------------------|---------|-------------------|---|----------------|--|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | 14 | 10/6/2023 |

Majukan Selangor utara meliputi projek pembangunan pelabuhan pendaratan ikan **SABDA jadi 'magnet' tarik RM1.9 bilion**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM - Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) akan menjadi 'magnet' dalam menarik pelaburan RM1.9 bilion bagi memajukan Selangor utara khususnya di daerah ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ini meliputi enam projek baharu termasuk pembangunan pelabuhan pendaratan ikan di Sungai Lang dan Sekinchan.

Katanya, kesemua projek itu dijangka dapat beroperasi antara tahun 2025 dan 2026.

"Pada dua bulan lalu, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan projek seperti di Sekinchan, yang mana urusan tanah diserahkan kepada Pembedaan Menteri Besar Selangor (MBI) yang akan mengenal pasti rakan kongsi di lokasi tersebut.

"Kelulusan di pihak kerajaan negeri telah dibuat dan rakan-rakan kongsi telah mula dikenal pasti. Kita berharap dengan enam projek akan bantu urusan ekonomi seterusnya SABDA menjadi 'magnet' menarik pelaburan," katanya pada sidang akhbar se-



AMIRUDIN mencanting lukisan sambil ditemani Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Norita Mohd. Sidek pada majlis pengenalan SABDA di Sabak Bernam. - SADDAM YUSOFF

lepas melancarkan pengenalan SABDA di sini semalam.

SABDA seluas 1,317 hektar merupakan salah satu daripada tiga zon pembangunan ekonomi

baru yang dikenal pasti di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Amirudin memberitahu, pemfokusannya juga dilakukan dalam

ketersambungan pengangkutan seperti perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM).

"Perkhidmatan itu kini telah sampai ke Klang dan bagaimana kita sambung paling tidak sehingga Kuala Selangor dan seterusnya Sabak Bernam.

"Ini akan memudahkan Selangor Utara dihubungkan dengan perkhidmatan efektif dan cepat.

"Ia seterusnya dapat memastikan keseimbangan penduduk serta tidak tertumpu (berhijrah) ke Petaling Jaya atau Shah Alam," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Sabak Bernam akan terus dimajukan sebagai kawah dan ladang makanan untuk Lembah Klang.

"Bukan sahaja perikanan tetapi pertanian. Kita dapat banyak tarikan, tetapi kalau tidak diikuti dengan teknologi dan pendapatan tinggi mungkin tidak meningkatkan minat bagi anak muda turun menjadi petani moden.

"Justeru, menerusi Smart Selangor Agro Park itu, kita akan meletakkan syarat tertentu supaya pertanian baik dan pintar akan dapat dilaksanakan. Kalau berjaya pastinya anak-anak muda akan duduk di sini," ujarnya.

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|--|----------------|--|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | / | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 18 | 10/6/2023 |



MUHAMMAD Faiz (tengah) menyampaikan sumbangan barangan keperluan nelayan di Dewan Serbaguna PNK Teluk Kemang.

Rimas gangguan nelayan asing

Port Dickson Segelintir nelayan warga asing yang menceroboh perairan Port Dickson untuk mencari hasil laut mendakwa jaring mereka hanyut dari perairan Melaka sehingga ke kawasan perairan berkenaan.

"Mana mungkin jaring mereka hanyut hingga ke sini kerana biasanya nelayan tahu keadaan cuaca dan arah angin, ini menunjukkan mereka menipu," kata nelayan dari Teluk Kemang, Ayub Baharum, 70, semalam.

Menurut Ayub, pencerobohan secara bertelusa ne-

layan negeri jiran, termasuk warga asing terbabit, ke perairan daerah ini membimbangkan nelayan tempatan.

"Sebahagian besarnya pula membabitkan nelayan tidak berlesen dan kami harap, pihak berkaitan termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dapat mengambil tindakan sewajarnya.

"Setiap nelayan yang berdaftar pastinya mempunyai kawasan mengikat sektor yang ditetapkan dan bukan sesuka hati untuk ke mana-mana lokasi sehingga

mengganggu nelayan tempatan.

"Sudah acap kali kami mengadu melalui persatuan tetapi setakat ini tiada tindakan sepatutnya diambil," katanya.

Ayub ditemui pada Majlis Rahmah Mesra Nelayan Bersama Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil di Dewan Serbaguna PNK Teluk Kemang di sini.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, pihaknya memandang serius masalah pencerobohan nelayan luar sektor ke perairan Port Di-

ckson.

"Saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan oleh semua persatuan negeri tidak lama lagi bagi mencari jalan keluar kerana ia mengganggu nelayan tempatan mencari rezeki," katanya.

Pada majlis itu, 42 nelayan menerima bantuan keseluruhan berjumlah RM26,000 berbentuk jaring dan kotak ikan berinsulasi.

Sembilan nelayan lagi menerima bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) berjumlah RM14,827.

| | | | | | |
|---------------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | NEGATIF | NEUTRAL | 24 | 10/6/2023 |



SEKUMPULAN pencandut sotong menunjukkan hasil tangkapan yang diperolehi mereka.



BOT Mohammed Noor yang tiba di Kompleks IKIM Dungun yang masing-masing membawa dua tan tangkapan sotong.

TENGAH LAUT MACAM PESTA CAHAYA

Lelaki bersyukur dua bot miliknya masing-masing pulang dengan membawa dua tan sotong

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

“Tahun ini paling pelik dan mencatat sejarah dengan kebanjiran sotong yang menyerang perairan Terengganu,” kata nelayan, Mohammed Noor Yusof.

Mohammed Noor, 62, yang mempunyai dua buah bot berkata, musim sotong kali ini mendatangkan rezeki ribuan nelayan di Terengganu serta orang ramai yang mengambil peluang memukat dan mencandut sotong.

“Memang banyak sotong kali ini. Bukan saja di Dungun, malah rakan nelayan di Kuala Terengganu, Marang dan Kemaman turut mendakwa berlaku perkara yang sama.

“Kalau lihat di tengah laut sepanjang perairan Dungun, Paka dan Marang bagaikan pesta cahaya,” katanya di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun.

Menurutnya, dia sangat bersyukur apabila kedua-dua bot miliknya masing-masing pulang dengan membawa dua tan tangkapan sotong semalam.

“Sotong mulai menyerang pertengahan bulan lalu dengan hasil tangkapan lima tan dan sepanjang tempoh bulan Jun ini saja saya dapat



Kalau lihat di tengah laut sepanjang perairan Dungun, Paka dan Marang bagaikan pesta cahaya”

Mohammed Noor

sembilan tan tangkapan.

“Musim sotong kali ini juga pelik kerana sotong gemar berkandang (tempat ratusan ribu sotong berkumpul dan bertelur) ketika bulan gelap.

“Biasanya sotong akan berkandang dan muncul di waktu bulan terang dan tahun ini (sotong) tak mengira bulan gelap dan terang,” katanya.

Rakannya, Shahrul Hisham Yusof, 36, berkata, dia bersama empat awak memukat sotong sekitar Kawasan 12 hingga 15 hatu nautika dari Kuala Dungun.

“Pendek kata campak saja mata ‘candut’ dan pukut di mana saja tangkapan sotong nkan mengena.

Shahrul Hisham berkata, harta jualan di antara RM27 dan RM29 sekilogram sekali gus mendatangkan rezeki buat dia dan empat awak-awaknya.

“Pendapatan itu dapatlah saya dan awak-awak hayar hutang bot dan buat perbelanjaan pada musim tengkujuh nanti,” katanya.



MOHAMMED Noor menunjukkan sebahagian daripada empat tan sotong yang diperolehi.



SOTONG yang siap dipindahkan dibawa ke Kompleks IKIM untuk dijual.

| | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | / | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 25 | 10/6/2023 |



SEORANG lelaki menunjukkan sotong yang berjaya dicandat di perairan Dungun, Terengganu.



NEJAYAN mengeluarkan sotong yang ditangkap dari atas bot.



| | | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | / | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 25 | 10/6/2023 |

Tangkap hasil laut tanpa permit

Georgetown: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan tempatan bersama 10 kru warga asing di kedudukan 14 serta 15.5 batu nautika barat daya Pulau Kendi, di sini, kerana melanggar syarat sah lesen dan tiada permit yang sah.

Dalam kejadian jam 2.40 petang, bot kelas B1 dan C itu ditahan ketika anggota APMM melaksanakan rondaan rutin menerusi Op Ti-

ris dan Op Pertiwi di perairan terbabit.

Pengarah APMM Pulau Pinang Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot pertama dikesan ketika menangkap ikan sebelum dirapati untuk pemeriksaan.

Ketika pemeriksaan, didapati bot berkenaan dikenali lima kru warga Myanmar bersama hasil laut sebanyak kira-kira 400 kilogram (kg) ikan.

"Manakala pemeriksaan

terhadap bot kedua mendapati ia dikemudi lima kru warga Myanmar yang memuatkan ikan sebanyak 500kg," katanya.

Menurutnya, kesemua kru yang ditahan berusia 26 hingga 58 tahun didapati gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63.



KRU salah sebuah bot yang ditahan APMM kerana melanggar syarat sah lesen dan tiada permit yang sah.

| | | | | | |
|---------------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | NEGATIF | NEUTRAL | 24 | 10/6/2023 |

SABDA mampu jana pelaburan RM1.9 bilion

Enam projek bakal dilaksanakan mampu tingkatkan kegiatan ekonomi di Sabak Bernam

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

Kerajaan negeri Selangor yakin Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) mampu menjana nilai pelaburan berjumlah kira-kira RM1.9 bilion atau RM248 juta setahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, usaha itu secara tidak langsung mencipta sebanyak 3,600 peluang pekerjaan bergaji tinggi.

"SABDA berkemampuan untuk membantu petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan menceburi bidang eksport, menyokong isi rumah berpendapatan rendah supaya menjadi lebih berdaya tahan dari segi kewangan.

"Selain itu ia juga dapat meningkatkan keupayaan pekerjaan tempatan melalui peningkatan kemahiran, membantu perniagaan untuk meningkatkan skala perniagaan melalui automasi, menerapkan teknologi digitalisasi dalam sektor pembuatan dan pemprosesan makanan, serta membuka dan meneroka indu-



Amirudin (duduk kanan) bergambar selepas berucap pada Majlis Pengenalan Pembangunan SABDA di Nazbell Cottage and Garden, Sungai Besar pada Jumaat.

stri baharu dalam bidang pemakanan mampan serta nutrisi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Pengenalan Pembangunan SABDA di Nazbell Cottage and Garden, Sungai Besar di sini pada Jumaat.

Mengulas mengenai projek SABDA pada sidang mediannya, Amirudin berkata, terdapat enam program lain dilaksanakan bagi menyokong pembangunan di kawasan seluas 1,317 hektar itu.

"SABDA bermula dengan projek Smart Selangor Agro Park, tempat pendaratan ikan di Sungai Lang, kawasan pelancongan di Hay Resur dan Ban Kanal serta beberapa fasiliti lain," ujarnya.

Beliau memberitahu, enam projek itu diharap dapat mempertingkatkan lagi urusan dan kegiatan ekonomi di

Sabak Bernam.

Beliau memberitahu, projek pembangunan itu dijalankan secara berfasa dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2026.

"Apa yang lebih penting, apabila jambatan kedua antara Sabak Bernam di Selangor dan Hutan Melintang di Perak siap nanti, projek pembangunan ini dapat diperkemas dengan lebih terancang pada masa depan.

"Ini sekali gus memberi kemudahan kepada penduduk di Sungai Air Tawar untuk menggunakan jalan raya lebih dekat dan menjimatkan masa lebih 40 minit," ujar beliau.

Amirudin memberitahu, di samping itu, terdapat perancangan lain untuk membangunkan kawasan pantai di Sekinchan.

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | / | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 29 | 10/6/2023 |

10 nelayan asing ditahan bersama 900 kg tangkapan ikan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang telah menahan dua bot nelayan tempatan dan menahan 10 nelayan Myanmar di Pulau Kendi pada petang Khamis.

Pengarah Maritim Malaysia Pulau Pinang, Kepten Maritim Abdul Razak Mohamed berkata, bot pertama iaitu kelas B1 ditahan di kedudukan 14 batu nautika dan bot kedua, kelas C ditahan di kedudukan 15.5 batu nautika barat daya Pulau Kendi pada jam 2.40 petang.

Kata beliau, hasil pemeriksaan mendapati, bot tersebut dikendalikan oleh lima nelayan termasuk tekong warga Myanmar.

"Pemeriksaan juga mendapati hasil tangkapan kira-kira 400 kilogram (kg) ikan

campur ada bersama mereka. Sementara itu, tangkapan kedua pula dibuat pada jam 3 petang oleh pasukan Maritim Malaysia yang sama.

"Pemeriksaan lanjut mendapati lima nelayan warga Myanmar serta hasil tangkapan ikan dianggarkan sebanyak 500kg berada bersama mereka," katanya.

Abdul Razak berkata, kesemua tangkapan individu berusia lingkungan 26 hingga 58 tahun.

"Kedua-dua bot tersebut disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana telah melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan kru asing tanpa kebenaran dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki permit yang sah," katanya.



Nelayan Myanmar yang ditahan kerana tiada dokumen pengenalan diri yang sah dekat Pulau Kendi, Pulau Pinang pada petang Khamis.

| | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 21 | 10/6/2023 |



Mohamed Noor menunjukkan sebahagian empat tan sotong yang diperolehi, semalam. Foto Rosli Itham/BH

Sotong 'serang' laut Terengganu

Malam bagai pesta cahaya, bawa rezeki ribuan nelayan

Oleh Rosli Itham
bhnews@bh.com.my

Dungun: Kebanjiran sotong 'menyerang' perairan Terengganu tahun ini dianggap agak menghairankan kerana jumlahnya banyak dan membawa rezeki kepada mereka yang turun ke laut.

Nelayan, Mohamed Noor Yusof, 62, yang mempunyai dua buah bot, mendakwa musim sotong tahun ini membawa rezeki kepada ribuan nelayan di Terengganu serta orang ramai yang mengambil peluang memukat dan mencandat sotong.

"Memang banyak sotong tahun ini. Bukan sahaja sekitar Dungun, malah rakan nelayan di Kuala Terengganu, Marang dan Kemaman turut mendakwa berlaku perkara yang sama.

"Pada waktu malam, kalau kita lihat tengah laut sepanjang perairan Dungun, Paka dan Marang bagaikan pesta cahaya," katanya ketika ditemui di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia LKIM Dungun.

Mohamed Noor bersyukur apabila kedua-dua bot miliknya masing-masing pulang dengan membawa dua tan tangkapan sotong, semalam.

Sotong mulai banyak pertengahan bulan lalu dengan hasil tangkapan lima tan dan sepanjang



Sotong yang siap dipindahkan dibawa ke Kompleks LKIM untuk dijual.

tempoh bulan Jun ini sahaja saya peroleh sembilan tan tangkapan.

"Musim sotong kali ini juga pelik kerana sokat gemar 'berkandang' (tempat ratusan ribu sotong berkumpul dan bertelur) ketika bulan gelap.

"Biasanya, sotongan akan berkandang dan muncul di waktu bulan terang dan tahun ini, ia (sotong) berkandang tanpa mengira bulan gelap dan terang," katanya.

Dapat bayar hutang bot
Rakannya, Shahrul Hisham Yusof, 36, bersama empat awak-awak memukat sotong sekitar kawasan kawasan 12 hingga 15 batu nantaika dari Kuala Dungun.

"Pendek kata campak saja mata 'candat' dan pukuk di mana saja tangkapan sotong akan mengena.

"Svukur, sepanjang 16 kali keluar ke laut bermula pertengahan Mei lalu hingga semalam, saya dan awak-awak berjaya menda-

ratkan kira-kira sembilan tan sotong," katanya.

Shahrul Hisham berkata, hasil jualan di antara RM27 hingga RM29 sekilogram, sekali gus mendatangkan rezeki buat dia dan empat awak-awak.

"Pendapatan itu dibatalkan saya dan awak-awak bayar hutang bot dan buat perbelanjaan pada musim tengkujuh nanti," katanya. Sementara itu, seorang penjudi ribik, Musmahari Mustafa, 40, berkata kesempatan itu diambil bersama lima rakannya keluar mencandat sotong.

"Bila dengar sotong banyak, kami menyewa sebuah bot dan keluar mencandat sotong dari jam 6 petang hingga 10 malam dan berjaya membawa pulang tangkapan sotong kira-kira 100 kilogram.

Kami bahagi-bahagikan sotong itu dan jimatlah perbelanjaan kami kerana sekarang harga sotong sekitar RM28 hingga RM32 sekilogram," katanya.

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 25 | 10/6/2023 |

BH Sabtu, 10 Jun 2023

Bisnes

Selangor umum 2 projek perikanan skala besar

Pembangunan sedia lebih 7,000 peluang pekerjaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan Selangor mengumumkan dua projek perikanan berskala besar di bawah inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) yang dijangka menyediakan lebih 7,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun.

Projek pertama ialah pembangunan kilang pemrosesan dan pembungkusan tuna dan ikan laut dalam pertama di Malaysia yang akan dibangunkan di Sungai Lang, manakala projek kedua ialah pembangunan pelabuhan pendaratan ikan bersepadu pertama Malaysia di Sekinchan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata negeri itu berusaha untuk meningkatkan pelaburan yang besar-besaran dalam pembangunan jangka panjang kawasan luar bandar dengan membabitkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Katanya, matlamat utama adalah menyediakan penyelesaian yang mampan untuk memastikan keterjaminan makanan negara terus kekal berdaya tahan.

"Ia akan membolehkan petani dan perikanan berskala kecil meningkatkan pengeluaran tempatan, menyesuaikan diri dengan perubahan iklim secara lebih baik, membina rantai makanan tempatan dan mewujudkan serta menyokong pasaran tempatan dan peluang komersial.

Inisiatif strategik yang diu-



Amirudin (tiga dari kanan) bersama Norita (dua dari kanan) pada majlis pengenalan inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA), di Sabak Bernam, semalam. (Foto ihsan MBI)

rumkan sebagai sebahagian daripada tumpuan SABDA bertujuan untuk meningkatkan pengurusan industri perikanan kita dan bakal merealisasikan sepenuhnya potensi kawasan pesisir pantai.

"Langkah ini tidak hanya membantu melindungi ekosistem marin kita, tetapi juga sejajar dengan usaha kerajaan negeri dalam membangunkan ekonomi biru sebagai salah satu tonggak penting untuk memastikan keterjaminan makanan negara kita," katanya pada majlis pengenalan SABDA di Sabak Bernam, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Diperbadankan) (MBD), Norita Mohd Sidek.

SABDA adalah antara satu daripada tiga zon pembangunan ekonomi baharu yang dikenal pasti di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang menyasar untuk meningkatkan keusahawanan dan inovasi dalam kalangan perniagaan dan komuniti tempatan, di samping menarik peluang pelaburan baharu ke

kawasan itu.

Tumpu usaha bina daya tahan

Inisiatif yang diterajui oleh MBI itu akan memumpunkan kepada usaha membina kedayatahan makanan di Selangor dengan meningkatkan inisiatif pertanian dan ekonomi biru dengan pelaburan dan teknologi baharu, sambil memanfaatkan peluang tempatan bagi memacu ekopelancongan.

Pada majlis sama, MBI turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Alpha Ocean Resources Bhd (AORB), syarikat terkemuka dalam industri makanan laut, untuk pembangunan kilang pemrosesan dan pembungkusan tuna dan ikan laut dalam pertama di Malaysia.

Kilang yang akan dibina di Sungai Lang itu adalah sebahagian daripada projek berjangka masa 10 tahun yang membabitkan pembangunan pelabuhan pendaratan baharu untuk kapal besar yang berlayar di Lautan Hindi, serta ladang penternakan ikan

dan ketam darat.

Projek berkenaan dijangka dapat mencipta antara 2,500 hingga 5,000 peluang pekerjaan dengan pelaburan awal untuk pembangunan pelabuhan pendaratan dijangka akan mencecah lebih RM 100 juta dan dijangka akan beroperasi dalam tempoh setahun akan datang.

Dalam pada itu, Norita turut mengumumkan rancangan untuk membangunkan pelabuhan pendaratan ikan bersepadu pertama Malaysia di Sekinchan yang dilengkapi dengan sistem kebolehsasaran komprehensif yang berupaya menjejaki asal usul pemrosesan dan pengedaran setiap produk ikan di kemudahan itu.

Projek itu dilaksanakan dengan kerjasama antara MBI, Persatuan Industri Perikanan Sekinchan dan Persatuan Nelayan Sekinchan termasuk komuniti nelayan tempatan dengan dianggarkan akan menarik pelaburan berjumlah RM484.1 juta dalam tempoh 10 tahun di Sabak Bernam dan mewujudkan lebih 4,000 pekerjaan.